



Utama	Profil Kementerian ▾	Piagam Pelanggan
-----------------------	--------------------------------------	----------------------------------

[Hubungi Kami ▾](#)

[Utama](#) [Arkib](#) [2017](#) [Petikan Akhbar](#) [Utusan Malaysia - Lebih 50 Syarikat Korporat Elak Cukai](#)

Utusan Malaysia - Lebih 50 Syarikat Korporat Elak Cukai

🕒 Khamis, Apr 13 2017



MANIPULASI CUKAI

- 10 syarikat gergasi terlibat
- Dua milik 2 konglomerat bergelar Tan Sri

EKSKLUSIF

➤ 10 syarikat gergasi lakukan pengelakan cukai melampau.

➤ Dua daripadanya milik dua konglomerat bergelar Tan Sri.

➤ Lakukan manipulasi untuk bayar cukai rendah, dengan eien tidak di...

➤ Dipercayai bersekongkol dengan eien...

Kita percaya selain 10 syarikat ini, terdapat banyak lagi syarikat yang bertindak sedemikian sehingga memungkinkan kerajaan menanggung kerugian berbilion-bilion ringgit setiap tahun dari segi kutipan cukai."

KERATAN Mingguan Malaysia 9 April lalu.

Lebih 50 syarikat korporat elak cukai

vm 13/4

KUALA LUMPUR 12 April - Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) percaya jumlah syarikat korporat terkemuka negara yang terlibat dengan kegiatan pengelakan cukai melampau di negara ini melebihi daripada jangkaan 50 syarikat sebelum ini.

Perkara itu dijelaskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif LHDN, Datuk Sabin Samitah yang memberitahu, lebih banyak syarikat akan dikenal pasti selepas LHDN melengkapkan siasatan dan audit.

Buat masa ini, Sabin menjelaskan, 10 syarikat gergasi negara yang terlibat dengan aktiviti tidak bertanggungjawab itu sebagaimana didedahkan oleh *Mingguan Malaysia* Ahad lalu telah pun tampil membayar penalti berjumlah RM800 juta.

Selain itu, 20 syarikat yang telah dikenal pasti oleh LHDN kerana melakukan pengelakan cukai itu telah pun diberikan notis untuk menvelesaikannya

20 lagi diberi tempoh sehingga hujung bulan, membabitkan jumlah RM2.2 bilion secara keseluruhannya. Kami mempunyai banyak lagi kes, berkeungkinan lebih daripada 50 syarikat," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Operasi Gegar Bersepadu (G127B) di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengarah Jabatan Perisikan dan Profiling, Hajam Lajah Alam dan Pengarah LHDN Kuala Lumpur, Rozina Shaik Osman Merican.

Ahad lalu, Sabin mengesahkan laporan eksklusif *Mingguan Malaysia* mengenai penglibatan 10 syarikat gergasi yang melakukan pengelakan cukai melampau dengan dua daripada syarikat berkenaan milik dua tokoh bergelar Tan Sri.

Ketika itu, Sabin juga menjelaskan LHDN sedang memburu sekurang-kurangnya 50 syarikat korporat terkemuka negara dalam sektor telekomunikasi.

dalam tempoh sebulan.

“Untuk 20 syarikat itu, kami berikan masa sehingga hujung bulan ini, membabitkan jumlah penalti RM1.4 bilion.

“Jadi buat masa ini, 30 syarikat telah pun diberi notis dengan 10 daripadanya sudah membayar penalti, manakala

hartanah dan perladangan yang dikesan melakukan kegiatan tidak bertanggungjawab itu.

Dalam pada itu, Sabin memberitahu, sasaran kutipan cukai RM127 bilion ditetapkan kerajaan tahun ini meliputi juga penalti yang dikenakan terhadap 30 syarikat terbabit.

Pekeliling Perbendaharaan



BISNES

AGENSI

WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian



Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro



e-Penyertaan & Maklumbalas



Statistik & Prestasi



Pautan



Agensi



Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **22 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**